

Newspaper	Harakah
Date	17/12/2012

Najib sendiri berunding dengan Deepak

Harakah - 17/12/2012

Oleh MOHD ADZHAR TAJUDDIN

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan Deepak Jaikishan mendakwa Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam tindakan menarik balik pengakuan berkanun (SD) pertama P Balasubramaniam yang dibuat sekitar tahun 2008.

Ketika diwawancara Harakah pada 12 Disember lalu, Deepak memberitahu, selepas menerima panggilan Datin Seri Rosmah Mansor, beliau memberitahu kepada Rosmah, bahawa kes terbabit tidak mudah untuk diselesaikan.

"Saya kata kepada Datin, hal ini bukan senang untuk diselesaikan. Diapun minta saya, "datang rumah sekarang dan jumpa suami saya. Biar Dato' Seri buat keputusan bagaimana".

"Saya pergi ke rumah mereka. Datin dan Dato' tinggal di Sri Satria. Kadang-kadang dia orang duduk di Sri Duta dan kadang-kadang Sri



Najib Tun Razak

Satria. Malam itu mereka duduk di Sri Satria," ujar Deepak.

Deepak memberitahu, beliau tiba di kediaman rasmi mereka kira-kira jam 8 malam dan dibawa berjumpa dengan Najib.

"Saya masuk rumah lebih kurang lapan lebih malam dan saya bercakap dengan Dato' Seri



P Balasubramaniam

mengenai keadaan ini dan orang ini tidak mahu jumpa dan kata dia sudah buat SD yang benar dan dia tidak mahu berjumpa pun dengan saya. Saya tidak tahu bagaimana nak menyelesaikan benda inilah.

"Pertama dia telefon satu lawyer. Lepas itu dia telefon adik dia, lawyer juga. Lepas bincang, dia

minta saya agar mencari jalan untuk jumpa dia (Bala) dan cari jalan supaya dia setuju, untuk batalkan SD dia," sambung cerita Deepak.

Katanya, selepas itu beliau menelefon Bala dan Bala memberitahu kepadanya, sebelum SD tersebut ditarik balik, Bala mahu berjumpa dengan Najib dan Rosmah.

Dalam sudut lain, Deepak beranggapan Najib bertindak demikian bukan semata-mata untuk menyelamatkan karier politik beliau, malah mahu memastikan cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri tidak dihalang oleh 'rakan-rakan' yang berada di dalam Umno sendiri.

"Satu faction lagi dalam Umno yang tidak mahu Dato' Najib menjadi Perdana Menteri, mereka ada kepentingan mereka", ujarnya.

Selain itu, beliau mendakwa isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor juga telah meminta pertolongan daripadanya supaya memujuk Bala dalam menarik balik akuan ber-sumpah yang telah dilakukan sebelumnya.